

04/04/2001

Pembangkang enggan ulas dasar baru

ullah; R Magendran

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, yang gagal menghalang pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini, enggan memberi sebarang ulasan mengenai dasar baru itu.

Naib Pengerusi parti, Dr Tan Seng Giaw, bagaimanapun ketika ditemui kemudian memberi respon agak positif apabila menyatakan bahawa RRJP3 memberi satu galakan kepada rakyat Malaysia untuk menghayati kaedah baru permasalahan globalisasi.

"Kalau kerajaan tak membenarkan kaedah baru termasuk teknologi maklumat dan komunikasi, rakyat Malaysia akan ketinggalan," katanya.

Fadzil, ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen menyatakan, beliau tidak mempunyai cukup masa untuk meneliti kandungan dokumen berkenaan.

Ketua Pembangkang itu berkata, beliau tidak akan membuat sebarang ulasan sehingga selesai meneliti laporan rancangan itu.

"Tadi saya sebut masa yang diberi untuk Ahli Parlimen menyemak, meneliti dan membuat kajian itu tidak cukup. Sebab itu saya tidak bercakap awal (ketika perbahasan) bagi membuktikan memang tidak cukup masa," katanya.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock, pula langsung enggan memberi sebarang kenyataan, sebaliknya meminta wartawan mendapatkan reaksi Naib Pengerusi parti, Dr Tan Seng Giaw.

Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, hanya menyatakan 'saya mahu balik' dan terus meninggalkan Parlimen apabila diserbu wartawan.

Sebelum itu, pembentangan RRJP3 dan Dasar Wawasan Negara (DWN) oleh Perdana Menteri tertangguh kira-kira 15 minit apabila wakil pembangkang mengganggu aturan urusan mesyuarat.

Kekecohan bermula apabila Fadzil bangun sebaik selesai sesi soal jawab untuk mencadangkan usul supaya pembentangan RRJP3 itu ditunda bagi memberi peluang ahli Dewan meneliti kandungan buku laporan yang baru diterima semalam.

"Buku laporan RRJP3 ini penting bagi negara di alaf baru. Ia tidak boleh dilayan sebagai projek roti canai segera," kata Fadzil.

Bagaimanapun permintaan itu ditolak oleh Timbalan Speaker, Datuk Lim Si Cheng yang mengatakan perkara itu adalah sama dengan apa dibangkitkan pembangkang semalam dan buku laporan itu sudah diedarkan kepada semua anggota, sama ada pembangkang atau penyokong kerajaan.

"Tidak ada peruntukan menyatakan laporan itu perlu diedar beberapa hari sebelum usul dibentangkan. Tidak ada juga peruntukan yang memerlukan saya menangguhkan mesyuarat ini.

"Jadi saya memutuskan supaya mesyuarat berjalan mengikut aturan urusan mesyuarat yang ditetapkan," kata Lim, disambut sokongan penyokong kerajaan.

Lim kemudian menetapkan sesi perbahasan diadakan selama tiga hari dan pembangkang boleh memilih untuk berbahas pada hari kedua atau ketiga.

Dr Tan bagaimanapun membantah dengan menyatakan, mengikut konvensyen persidangan Dewan Rakyat, Ketua Pembangkang akan membahaskan sesuatu usul selepas ia dibentang oleh Perdana Menteri.

Kenyataan wakil Kepong itu disambut Mohamad Sabu (Pas-Kuala Kedah) yang mengatakan sepanjang kehadirannya di Dewan Rakyat, buku laporan itu biasanya diedarkan tiga hari lebih awal.

Selepas itu, Kerk pula bangun dan meminta perbahasan ditangguh sehingga

Isnin memandangkan laporan (Majlis Perunding Ekonomi Negara Mapen) tidak disertakan, berbeza ketika RRJP2 dibentangkan 10 tahun lalu.

Lim kemudian menyatakan beliau yakin perkara itu akan disentuh dalam pembentangan itu nanti dan meminta Perdana Menteri meneruskan pembentangan.

Mahfuz Omar (Pas-Pokok Sena) bangun dan meminta Lim memberi kepastian bahawa sesi perbahasan akan ditangguhkan minggu depan dan menyatakan mereka berada di Parlimen kerana mewakili rakyat.

Lim kemudian berkata: "Kalau nak bangkit peraturan mesyuarat, semua perlu patuh Peraturan 42, bila saya cakap semua kena diam dan Peraturan 43, ia (keputusan saya) muktamad."

Perdana Menteri hanya sempat mengucapkan "Tuan Yang Dipertua, sebagai wakil majoriti rakyat dalam negara kita ini..." apabila Datuk Dr Hasan Ali (Pas-Parit Buntar) pula bangun dan menyatakan mereka tidak sempat mengkaji dokumen setebal 211 muka surat itu dalam tempoh 22 jam.

"Bagaimana nak baca dan faham laporan ini? Apakah kita nak jadi rubber stamp?" katanya.

Lee kemudian memberi amaran bahawa beliau sudah menjelaskan perkara itu dan meminta wakil pembangkang supaya tidak memaksa beliau mengambil tindakan. Namun wakil pembangkang terus membuat bising.

Perdana Menteri yang masih tidak dapat meneruskan pembentangan kemudian mempersilakan wakil pembangkang yang ingin bercakap supaya berbuat demikian.

"Ada lagi nak cakap, sila," katanya.

Pelawaan itu disambut Kerk yang sekali lagi meminta sesi perbahasan ditangguhkan Isnin depan.

Dr Mahathir akhirnya dapat meneruskan pembentangan dengan menyangkal dakwaan Kerk bahawa laporan Mapen2 turut disertai bersama pembentangan RRJP2 dulu.

(END)